

# UKM contoh kampus lestari

**U**NIVERSITI Kebangsaan Malaysia (UKM) juga tidak ketinggalan dalam menjadi contoh terbaik buat masyarakat dengan mengadakan Konvensyen Kampus Lestari 2017.

Konvensyen tersebut diadakan lanjutan Program UKM Lestari pada 21 Jun 2007 oleh Menteri Sumber Asli dan Alam Sekitar (NRE).

Menurut Timbalan Naib Canselor, (Penyelidikan dan Inovasi) UKM, **Prof. Dr. Mohd. Ekhwan Toriman**, program tersebut diwujudkan adalah bertujuan untuk berkongsi idea dan amalan terbaik berkenaan dengan pengurusan alam sekitar yang lestari.

Jelasnya, UKM beriltizam mahu membina kesejahteraan masyarakat dan kesihatan ekosistem serta meningkatkan kemampanan persekitaran semula jadi menerusi aspek pengurusan, kajian, pembangunan dan amalan kelestarian di dalam dan luar kampus.

"Dalam Piagam UKM Lestari terdapat enam prinsip dan 10 strategi yang telah digariskan untuk menerajui pelaksanaan pelbagai program di bawahnya.

"Antara prinsip tersebut adalah dengan memaparkan amalan institusi yang meningkatkan kelestarian, kesihatan dan ekosistem kampus," katanya ketika ditemui baru-baru ini.

Bagi menyokong Program UKM Lestari, sebanyak tiga

kumpulan penyelidik telah ditubuhkan bagi menawarkan pengetahuan dan input saintifik menerusi kajian penyelidikan dan program bersama komuniti.

Tiga kumpulan penyelidik tersebut adalah Kumpulan Penyelidikan Pengurusan Ekosistem Lestari, Kumpulan Penyelidikan Komuniti Lestari dan Kumpulan Penyelidikan Reka Bentuk Lestari.

Terdapat pelbagai inisiatif dan program yang telah dilaksanakan melalui program tersebut sebagai contoh di bawah Kumpulan Pengurusan Ekosistem Lestari terdapat pelbagai program dan inisiatif yang dijalankan dalam mencapai kelestarian alam sekitar.

Khususnya dalam aspek pengurusan air yang lestari, sisa, tenaga dan kampus hijau. Antara program pengurusan air lestari yang dijalankan ialah Program Alur Ilmu - *The Heart of UKM*, pemasangan sistem telaga tiub di Kolej Burhanudin Helmi dan Projek Penuaian Air Hujan di Kolej Ungku Omar serta bangunan Institut Alam Sekitar dan Pembangunan (Lestari).

Selain itu, pelancaran Inisiatif Kampus Sisa Sifar UKM pada 2010 serta penubuhan Pusat Kitar Semula UKM pada 2011 telah banyak membantu memperbaiki pengurusan sisa di dalam kampus.

Dalam pada itu, menerusi program yang sama, warga kampus UKM turut diperkenal dengan aktiviti yang menggalakkan amalan kampus

hijau seperti penanaman pokok di sekitar pusat dan kolej kediaman dan pembinaan ecowall di Lestari dan Kolej Ibu Zain.

"Bagi menggalakkan penglibatan warga kampus dalam aktiviti kampus lestari khususnya aktiviti sukarelawan alam sekitar, Kelab Ekorelawan UKM ditubuhkan sebagai penggerak kepada kampus lestari UKM.

"Menerusi Kelab Ekorelawan UKM warga kampus dilatih berdasarkan kepada kepada tiga prinsip iaitu pengetahuan, alam sekitar dan khidmat komuniti," katanya.

Sehubungan itu, Modul Penjajahan Ekosistem Alam Sekitar telah dibentuk sebagai satu modul pembelajaran untuk meningkatkan pemahaman dan pengetahuan individu terhadap ekosistem dan alam sekitar dan memberi sumbangan kepada komuniti yang lebih berkesan.

Dalam pada itu, menurut pensyarah kanan Lestari, **Dr. Rahmah Elfithri**, lestari membawa maksud menggunakan sumber dengan sebaik mungkin.

"Di UKM kami juga turut menyediakan satu pelan induk kampus lestari agar dapat diamalkan dengan baik di universiti ini oleh warganya.

"Antara pengurusan air secara lestari yang diamalkan adalah merangkumi pengurusan, penggunaan, dan penjimatan sumber air kampus yang cekap," katanya.



**TIMBALAN** Ketua Setiausaha Kementerian Sumber Asli dan Alam Sekitar (NRE), Datuk Dr. Nadzri Yahaya (tengah) bersama Dr. Mohd Ekhwan Toriman (empat dari kiri) bersama ahli akademik dan peserta selepas merasmikan Konvensyen Kampus Lestari 2017 UKM di Bangi baru-baru ini.